

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' HAJAH NORMALA BINTI
ABDUL SAMAD
[PASIR GUDANG]**

TARIKH : 8 MAC 2017 (RABU)

SOALAN :

Dato' Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan statistik kemalangan yang melibatkan bas-bas awam yang disebabkan kecuaiannya pemandu dan keberkesanan aduan/maklumbalas yang dibuat kepada Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) bagi menangani kemalangan yang melibatkan bas awam.

JAWAPAN: YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan bas-bas awam yang terlibat dalam kemalangan telah mencatatkan penurunan sebanyak 13% pada tahun 2015 dengan 8,804 kes dilaporkan berbanding 10,123 pada tahun 2013.
2. Statistik kemalangan yang mengakibatkan kecederaan dan maut yang melibatkan bas-bas awam juga menunjukkan tren penurunan sebanyak 29% dengan 30 kes kemalangan maut dicatat pada tahun 2016 berbanding 42 kes pada tahun 2015.
3. Analisa kemalangan bagi tempoh 2007 hingga 2015 yang telah dijalankan oleh Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS), sebuah agensi di bawah seliaan Kementerian Pengangkutan, menunjukkan bahawa 66% daripada kemalangan yang berlaku adalah disebabkan oleh kecuaiannya pemandu. Kecuaian ini termasuklah memandu secara berbahaya, memandu melebihi had laju dan keletihan.
4. Sejak November 2012, SPAD telah menyediakan talian "*hotline 1-800-88-7723*" dan laman sesawang *www.spad.gov.my* sebagai medium untuk memudahkan para penumpang dan pengguna jalan raya membuat aduan terhadap perkhidmatan pengangkutan awam darat.

5. Pada tahun 2016, sebanyak 11,093 aduan telah diterima yang membabitkan pengangkutan bas awam. Daripada jumlah aduan tersebut, sebanyak 99.2% aduan tersebut iaitu sebanyak 11,004 aduan telah berjaya di selesaikan oleh SPAD dalam tempoh 30 hari.

6. Sementara itu, sukacita dimaklumkan bahawa Program SPAD ICOP – Keselamatan telah dimulakan pada tahun 2013 bagi pengendali bas untuk:

- (i) menerapkan nilai pentingkan keselamatan di setiap peringkat organisasi; dan
- (ii) menjadikan amalan keselamatan sebagai budaya setiap pengendali pengangkutan awam darat.

7. Buku Panduan SPAD ICOP - Keselamatan Bas telah dikeluarkan untuk memberi garis panduan keselamatan yang praktikal bagi pengendali bas untuk memenuhi tanggungjawab mereka bagi memastikan keselamatan operasi dan meminimumkan insiden dan kemalangan. Ia meliputi tanggungjawab yang harus dimainkan oleh semua pihak dari pengurusan peringkat tertinggi hinggalah kepada kumpulan operasi, meliputi antaranya pengurusan dan pemantauan keselamatan pekerja dan operasi, pengurusan kenderaan, pengurusan pemandu, pengurusan risiko perjalanan dan pengurusan rekod.

8. Pematuhan SPAD ICOP – Keselamatan ini telah dijadikan syarat lesen yang wajib dipatuhi oleh semua pengendali. Tindakan penggantungan serta penarikan lesen boleh diambil ke atas mana-

mana pengendali yang gagal mematuhi. Dengan pelaksanaan SPAD ICOP - Keselamatan, budaya keselamatan akan menjadi amalan kebiasaan bagi semua pengendali pengangkutan awam darat. Ini akan membantu mengurangkan kecederaan dan kematian yang melibatkan pengguna dan pekerja-pekerja di dalam sektor pengangkutan awam darat.

Sekian, terima kasih.